

## Dakwaan kesan tembakan tak berasas

---

Kuala Lumpur : Dakwaan penemuan serpihan pesawat MH370 dipenuhi lubang, dipercayai kesan tembakan adalah kenyataan tidak berasas.

Menyangkal dakwaan itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata kerajaan sentiasa bekerjasama dengan Biro Keselamatan Pengangkutan Australia(ATSB) dalam mengesahkan sebarang penemuan serpihan pesawat yang hilang sejak 8 Mac 2014 berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, penemuan serpihan pesawat MH370 kononnya berdasarkan penyelidikan menerusi aplikasi Google Earth serta Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas(NASA) itu tidak berasas.

### Kerjasama dengan ATSB

“Kita sentiasa bekerjasama dengan ATSB, selain mempunyai tenaga pakar yang berpangkalan di Australia untuk mengenal pasti sebarang penemuan di kawasan pencarian.”Setakat ini kita masih mengenai pasti kawasan pencarian sebenar adalah dekat Australia, bukan di sebelah perairan Mauritius,” katanya ketika ditemui di Parlimen.

Portal berita antarabangsa, Daily Star Online, melaporkan jurutera mekanikal, Peter McMahon yang dikatakan berpengalaman dalam penyiasatan insiden nahas penerbangan lebih 25 tahun mengemukakan teori penemuan berbeza berhubung MH370.

McMahon,64 dilaporkan berkata, penelitian berdasarkan imej NASA dan Google Maps sejak pesawat yang membawa 239 penumpang itu dilaporkan hilang menunjukkan kawasan pencarian sebenar bukan berada dekat perairan Australia.

Sebaliknya beliau mendakwa kawasan pencarian MH370 terletak kira-kira 16 kilometer selatan Round Island,iaitu berhampiran sebuah pulau kecil utara Mauritius.

Kawasan pencarian itu turut didakwa lokasi bangkai pesawat MH370 yang dipenuhi lubang kesan tempakan, namun sengaja disembunyikan pihak berkuasa kerana enggan menimbulkan penyiasatan daripada sudut berbeza.

Menyanggah fakta itu, Tiong Lai berkata Lembaga Penerbangan Awam Malaysia(CAAM) turut menjalankan analisis berdasarkan dokumen dan imej yang dikemukakan menerusi dakwaan McMahon.

### Usah percaya berita palsu

Bagaimanapun, katanya dakwaan itu adalah tidak berasas, termasuk bangkai pesawat MH370 dipenuhi kesan lubang, dipercayai kesan tembakan.

“CAAM sudah mengenal pasti artikel ini dan didapati ia adalah tidak berasas, justeru orang ramai usah percaya dengan berita palsu sedemikian.”Paling penting ialah ikuti laporan kita menerusi aplikasi dan laman web yang disediakan bagi mendapatkan maklumat terkini berhubung hasil pencarian MH370.

“Kita masih meneruskan usaha pencarian di selatan Lautan Hindi, merangkumi 25,000 kilometer persegi yang dikendalikan syarikat Ocean Infinity. Kita harap bangkai pesawat

MH370 berupaya ditemui di kawasan yang ditetapkan,” katanya.

---

**SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 20 | 20 MAC 2018**